

Portal komuniti ADAM wadah perpaduan

KUANTAN 25 Sept. - Kewujudan portal komuniti 'ADAM' yang dilancarkan oleh **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** baru-baru ini menjadi wadah penyatuari masyarakat merentasi generasi dan geografi menerusi teknologi selari dengan slogan Pelan Strategik UMP 2016-2020 iaitu *Memasyarakatkan Teknologi*.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, keunikan portal berkenaan adalah sebagai hub perpaduan dan peradaban bagi menyantuni serta menyatukan komuniti global berteras-kan sumbangan umat terhadap keharmonian dunia terutama melalui pengurusan kepelab- gaaian sains dan teknologi.

"Pembangunan portal de- nagan kerjasama Bahagian Tek- nologi Pendidikan Negeri Pa- hang (BTPN) ini menyaksikan ia mengandungi 40 modul ber- kaitan perpaduan dan perad- aban yang boleh dimanfaatkan generasi muda serta pendidikan awal kanak-kanak," katanya pa- da majlis penutup Festival Aku Darah Anak Malaysia (ADAM) sempena sambutan Hari Ke- bangsaaan di Dewan Astaka UMP dekat sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Daing Nasir berkata, kewibawaan universiti sebagai gedung ilmu pengeta- huan dan iklim kesajaranaannya menuntut warga UMP melihat patriotisme tersebut dari di- mensi tersendiri.

Kata beliau, penganjuran Fes- tival ADAM berkenaan dapat dioptimumkan peranannya se- bagai semaiian subur patriotisme dalam kalangan warga kerja serta mahasiswa univeristi tersebut.

"Dimensi patriotisme ini adalah keupayaan untuk men- dakap standard pemikiran kelas pertama dan budaya tinggi yang disertai kesedaran sivik dan penghayatan nilai etika.

"Dimensi inilah yang sekian lama menjadi cabaran kepada kita warga Malaysia untuk di- realisasikan. Menuju aspirasi menjadi negara maju, soal pe- mikiran, budaya, sivik dan etika begitu kritikal sebagaimana yang berjaya dibuktikan oleh rakan- rakan kita di Jepun," katanya.



DAING NASIR IBRAHIM (enam dari kiri) bergambar bersama pemenang pertandingan Fotografi Lensa Merdeka 61 dan Video Pendek Lensa Bakti, di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.